DEDAH AURAT UNTUK RAWATAN

SOALAN:

Isteri saya mengalami masalah kegemukan. Saya berhasrat ingin menghantar dia ke pusat rawatan menguruskan badan. Masalahnya, kebanyakan pusat-pusat menguruskan badan yang baik dikendalikan oleh wanita-wanita berbangsa cina (bukan islam). Mungkin timbul di sana masalah aurat terdedah semasa rawatan. Apakah hukum mendedahkan aurat kepada bukan muslim untuk tujuan rawatan seperti di atas.?

JAWAPAN:

Pertama, saudara perlu tahu had aurat seorang lelaki dan wanita. Mereka tidak boleh membuka aurat atau membenarkan ia disentuh kecuali atas sebab yang dibenarkan dalam syarak. Aurat paling berat ialah qubul dan dubur. Manakala aurat paling ringan seperti kedua-dua belah peha lelaki terdedah sesama mereka.

Kedua, menurut kaedah usul fikah diharuskan melakukan perkara yang diharamkan dalam syarak sekiranya boleh mendatangkan mudarat. Oleh itu, diharuskan membuka aurat untuk tujuan menguruskan badan kerana kegemukan boleh mendatangkan pelbagai penyakit. Ulama tidak berselisih pendapat mengharuskan doktor lelaki melihat aurat pesakit wanita. Begitu juga sebaliknya dengan syarat mereka hendaklah amanah dan menutup keaiban pesakit itu.

Cadangan saya agar saudara mendahulukan doktor perempuan atau pusat perubatan Islam sebelum menemui doktor lelaki atau pusat perubatan bukan Islam. Setelah berusaha, tidak mengapa menggunakan perkhidmatan mereka. Wallahu a'lam.

MENCURI, TETAPI BERAZAM MENGGANTI SEMULA

SOALAN:

Saya ada seorang kawan yang suka mencuri. Menurutnya, dia mencuri kerana terdesak. Namun, dia berazam akan menggantikan kembali wang yang dicurinya apabila dia bekerja kelak. Untuk pengetahuan, dia juga mengambil duit ibu bapanya untuk membeli barang keperluan walaupun mereka berdua telah memberikan sebuah kehidupan yang sempurna kepadanya. Apakah hukumnya?

JAWAPAN:

Mencuri hukumnya berdosa. Makanan hasil curian akan menyebabkan darah daging bercampur dengan hasil yang haram. ALLAH telah menjelaskan hukuman yang patut dikenakan di dunia bagi sesiapa yang mencuri sebagaimana firman-NYA:

وَٱلسَّارِقُ وَٱلسَّارِقَةُ فَٱقْطَعُوٓاْ أَيْدِيَهُمَا جَزَآءَۢ بِمَا كَسَبَا نَكَٰلًا مِّنَ ٱللَّهِ ۗ وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ﴿٣٨﴾

Maksudnya:

*"Orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah daripada ALLAH. (Ingatlah) ALLAH Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana."* – Surah al-Maaidah: 38.

Mencuri kerana terdesak tidak mengapa. ALLAH tidak pernah menzalimi hamba-NYA disebabkan terpaksa. Kawan saudari juga berazam akan menggantinya kembali setelah bekerja. Dia wajib menunaikan nazarnya itu. Jika sebaliknya, dia tetap berdosa kerana melanggar janji.

Pernah berlaku di zaman Nabi s.a.w yang mana jin yang menyerupai manusia telah mencuri makanan yang diletakkan di dalam baitulmal. Tetapi baginda tidak pernah memerintahkannya agar dikenakan hukuman. Wallahu a'lam.

TIDUR SEKATIL DENGAN TEMAN LELAKI

SOALAN:

Kawan saya sudah mempunyai teman lelaki. Menurutnya, dia pernah tidur sekatil dengan teman lelakinya tetapi tidak melakukan seks 'berat' tetapi sekadar 'ringan-ringan'. Alhamdulillah sekarang dia telah memutuskan hubungan dengan lelaki tersebut dan bertaubat.

1. Adakah berdosa apabila seorang lelaki dan perempuan tidur sekatil tanpa melakukan hubungan seperti suami isteri tetapi hanya melakukan 'ringan-ringan'?
2. Hubungan seperti ini dipanggil hubungan apa?
3. Apabila ingin berkahwin, adakah dia perlu memberitahu kepada bakal suaminya?
4. Adakah dia perlu memberitahu kepada bakal tunang bekas kekasihnya itu?

JAWAPAN:

**Pertama**, sewajarnya seluruh umat Islam perlu ketahui bahawa tidak ada kebenaran daripada syarak membenarkan seks ringan atau seks berat. Apa sahaja yang digelar hubungan dan perkara yang boleh menjerumuskan diri ke arah zina tetap diharamkan. Selagi tidak bergelar suami dan isteri, haram lelaki dan wanita berdua-duaan sambil berpegangan tangan. Apatah lagi tidur sekatil.

ALLAH Maha Pengampun selagi hamba-hamba-NYA bertaubat. Sebesar mana dosa yang dilakukan sama ada zina, minum arak, mencuri dan sebagainya pasti diampunkan kecuali syirik.

Firman ALLAH S.W.T:

*"Sesungguhnya ALLAH tidak akan mengampunkan dosa orang yang mempersekutuka-NYA dengan sesuatu pun dan akan mengampunkan dosa selain kesalahan (syirik) itu bagi sesiapa yang dikehendaki-NYA*

*(menurut peraturan hukum-hukum-NYA) dan sesiapa yang mempersekutukan ALLAH dengan sesuatu pun, sesungguhnya dia telah sesat dengan kesesatan yang amat jauh."* – Surah al-Nisa': 116.

Kedua, seseorang tidak perlu membuka aibnya setelah ditutup oleh ALLAH. Malah, Nabi s.a.w melarang seseorang membuka iab saudara seagamanya. Si suami wajib menjaga keaiban isteri setelah mengetahuinya. Begitu juga sebaliknya, si isteri wajib menutup keaiban suaminya setelah mengetahui keiaan suaminya. Apalah hak seorang manusia untuk memarahi dan tidak mahu menerima takdir ALLAH baginya. Sedangkan, seorang wanita yang telah bertaubat diterima oleh ALLAH. Patutkah hamba ALLAH tidak mahu menerimanya.

Ketiga, kawan saudari tidak wajar memporak-purandakan keadaan. Bertaubatlah kepada ALLAH kerana DIA telah menjaga keaiban saudari dan bekas teman lelakinya itu daripada pengetahuan umum. Jagalah keaiban itu dan jangan cuba dibukanya. Semoga ALLAH merahmati mereka berdua kerana telah bertaubat. Wallahu a'lam.